

جابتن مفتي نكري قهق



خطبة جمعة

**BAHANA ARAK**

**25 SEPTEMBER 2020 / 07 SAFAR 1442H**

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ  
مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ  
فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.


وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ  
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Arak adalah haram dalam Islam kerana ia merosakkan akal manusia.**

**Kerosakan dan keburukan arak ini dinyatakan oleh Allah Subhanahu wa-Taala**

**dalam surah al-Maidah ayat 91**



**Yang bermaksud:** “*Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu, dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?*”

Ayat ini jelas menegaskan bahwa arak punca segala keburukan dan kejahatan sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Hakim:

اجْتَنِبُوا الْخَمْرَ فَإِنَّهَا مِفْتَاحُ كُلِّ شَرٍّ

Yang bermaksud: *“Hendaklah kamu menjauhi arak, sesungguhnya arak kunci segala kejahatan.”*

Ingatlah dosa arak ini bukan hanya kepada peminum arak sahaja bahkan semua pihak yang terlibat dengan arak juga berdosa. Dalam hadis diriwayatkan oleh Ibnu Majah, Anas Radhiallahu anhu berkata: “Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam melaknat sepuluh golongan yang terbabit dengan arak, iaitu orang memerah arak, meminta arak diperah untuknya, meminumnya, membawanya, meminta dibawa arak kepadanya, memberi minum arak kepada orang lain, menjual arak, mendapat hasil daripada arak, membeli arak dan orang yang meminta dibelikan arak untuknya.”



Firman Allah Subhanahu wa-Taala di dalam surah al-Anfal ayat 25:

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ  
خَاصَّةً وَعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

*Yang bermaksud: “Dan peliharalah diri kamu daripada berlakunya dosa yang membawa bala bencana yang bukan sahaja akan menimpa orang yang zalim dalam kalangan kamu secara khusus tetapi akan menimpa kamu secara umum ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab-Nya”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ  
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.